

Disediakan untuk: \_\_\_\_\_ Tarikh Cetakan: \_\_\_\_\_

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca lembaran pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Bike Warrior. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

**Penyedia Khidmat Kewangan** : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz"/"Kami")  
**Nama Produk** : Bike Warrior

### 1. Apakah produk ini?

Di samping melindungi anda/penunggang dan/atau pembonceng menerusi perlindungan kemalangan diri serta pelbagai jenis faedah-faedah lain, pelan ini juga menyediakan Program Bantuan Motorsikal 24 Jam. Bike Warrior juga memberi faedah-faedah tambahan seperti perlindungan belas kasihan dan perlindungan banjir.

### 2. Apakah perlindungan/faedah-faedah yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

(a) Faedah-faedah Kemalangan Diri

- Kematian akibat Kemalangan/Hilang Upaya Kekal
- Belanja Perubatan
- Elaun Kematian
- Tanggung Rugi Berganda
- Pembedahan Pembedahan Kosmetik
- Pendapatan Hospital
- Bonus Pembaharuan

(b) Program Bantuan Motorsikal

- Khidmat Tunda Kecemasan 24-Jam dan Pembaikan Kerosakan kecil di Tepi Jalan
- Bantuan Teksi dan Kereta Sewa
- Mengaturkan Penginapan Hotel
- Bantuan Antarabangsa
- Mengaturkan Evakuasi Kecemasan
- Rujukan Pusat Servis
- Penghantaran Mesej Kecemasan

(c) Faedah-Faedah Tambahan

- Perlindungan Belas Kasihan (Tertakluk kepada Kenderaan Dinamakan yang akan diinsuranskan di bawah Polisi Komprehensif Motorsikal Persendirian)
- Perlindungan Banjir

*Nota: Sila rujuk kepada ciri dan faedah penuh dan skala faedah-faedah di dalam kontrak polisi.*

0

### 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar ?

	Premium (RM)
Premium Tahunan	140

### 4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	10% daripada premium
Duti Setem	RM10
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium

### 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

(a) Kepentingan Pendedahan

- **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau**

**profesion anda**, anda mempunyai kewajiban mengambil penjaminan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

- **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi **tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

**Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.** Anda juga mempunyai kewajiban memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- (b) Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Allianz sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
- (c) Kelayakan – Orang Yang Diinsuranskan yang berumur antara enam belas (16) hingga lapan puluh (80) tahun.
- (d) Polisi ini akan luput/batal apabila Orang Yang Diinsuranskan mencecah umur lapan puluh (80) tahun.
- (e) Orang Yang Diinsuranskan hendaklah menyerahkan maklumat lengkap mengenai kemalangan dan kecederaan kepada syarikat insurans dalam tempoh empat belas (14) hari selepas berlakunya kemalangan.
- (f) Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberi notis dengan segera kepada syarikat insurans apa-apa perubahan di dalam namanya, kediaman, perniagaan atau pekerjaan.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak menyediakan perlindungan akibat daripada kejadian-kejadian berikut:

- (a) Kerugian akibat perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, perseteruan, atau operasi menyerupai peperangan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), dahagi, perang saudara, revolusi, pemberontakan, komplot, rampasan kuasa, pemerintahan tentera
- (b) Penyakit, di bawah pengaruh dadah, kenderaan dinamakan disewakan, lumba, pembuatan kelajuan, ujian kelajuan atau apa-apa tujuan yang berkaitan dengan perdagangan motor
- (c) Orang Yang Diinsuranskan tidak mempunyai lesen motosikal yang sah untuk menunggang Kenderaan Dinamakan atau tidak layak memegang atau mendapat lesen motosikal di bawah undang-undang Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau Mahkamah
- (d) Bunuh diri atau sebarang percubaan seumpamanya (siuman atau tidak siuman)
- (e) Jika bilangan pombong motosikal ketika berlaku kemalangan tidak menyalahi bilangan yang dibenarkan Undang-undang, tertakluk kepada Peruntukan Khas 4 di dalam kontrak
- (f) Jika Kenderaan Dinamakan digunakan di dalam transaksi haram ataupun sebagai kenderaan tidak berlesen
- (g) Melahirkan atau keguguran atau ketaksiuman kecuali secara langsung disebabkan oleh kemalangan kepada Orang Yang Diinsuranskan/penunggang/pembongceng ketika menunggang, naik atau turun daripada Kenderaan Yang Dinamakan

*Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.*

**7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada syarikat insurans. Semasa pembatalan, apa-apa bayaran balik premium berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam kontrak polisi.

**8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan dalam alamat dan butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memberitahu ejen berdaftar, cawangan atau khidmat pelanggan kami.

**9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?**

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai polisi ini, sila rujuk kepada buku 'Insurans Kemalangan Diri' *insuranceinfo*, yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Allianz Customer Service Center**

Allianz Arena



Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral


Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur.

Allianz Contact Center: 1 300 22 5542

Email: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)

  AllianzMalaysia

 [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

**10. Lain-lain jenis perlindungan Kemalangan Diri yang boleh didapati:**

Tidak berkenaan

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN MENGENAI SKALA FAEDAH-FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 01/04/2020.